

‘**Tahniah!** Anda ditawarkan memasuki ke Universiti Malaya (UM).’

Tidak tergambar perasaan penulis ketika itu kerana impian ke menara gading akhirnya tercapai.

Tapi pada masa sama, hati penulis gundah-gulana memikirkan pertama kali akan berjauhan dengan ibu dan ayah sejauh ratusan kilometer.

Itu pengalaman penulis kira-kira 12 tahun lalu dan syukur berjaya menghabiskan pengajian dengan cemerlang pada 2009.

Bagaimana dengan anda, masih ingat lagi perasaan tatkala mendapat keputusan Unit Pengambilan Universiti (UPU)?

Tahniah buat lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setaraf sesi akademik 2017/2018 yang berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke universiti awam (UA).

Menghitung saki-baki hari dan mengenang diri yang akan meninggalkan keluarga, tambahan pula Aidiladha tidak lama lagi, pasti hati menjadi tidak keruan.

# JADI PENUNTUT 'U'





1. **BERPISAH** dengan keluarga menjadi pengalaman bermakna kepada mahasiswa baru.

2. **AKTIVITI** ketika haluan siswa, mengeratkan hubungan antara mahasiswa baru.

3. **MINGGU Haluan Siswa** perlu ditempuhi penuntut baru.

4. **BERGELAR** mahasiswa antara impian pelajar.

5. **PENUNTUT** baru dihantar ibu bapa.

6. **KELAS** keagamaan antara pengisian rohani.



# TEMPUHI ALAM BARU DENGAN KEMATANGAN

## FOKUS

### DARI MUKA 1

Antara gembira, tidak sabar, gementar dan pelbagai gelora perasaan yang bermain di jiwa untuk berhadapan fasa dalam kehidupan yang paling penting selepas waktu persekolahan.

Suatu fasa kita akan menuju suatu tahap dalam kehidupan yang dipanggil sebagai mahasiswa.

Ada yang mula membuka gedung ilmunya pada 26 Ogos lalu dan yang paling akhir pula pada 6 September depan.

Inilah antara tempoh bagi tarikh pendaftaran siswa baharu ke 20 UA bagi program pengajian lepasan STPM dan setaraf.

Pada suatu masa dahulu, kejayaan melanjutkan pengajian ke menara gading bukan saja kejayaan individu, tetapi juga keluarga, kejiranan dan seisi kampung.

Cerita kejayaan ini pasti akan meniti dari bibir ke bibir dan menjadi inspirasi buat adik-adik

yang sedang mendaki alam persekolahan.

Berkongsi pandangan, Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik & Perhubungan Korporat) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Profesor Madya Dr Afandi Ahmad berkata masa berubah dan berlari begitu pantas malah kesedaran peri pentingnya menuntut ilmu kelihatan semakin melebar.

Oleh itu, katanya, peluang bagi mereka yang berjaya mendapat tempat untuk menimba ilmu mesti dirai agar menjadi manusia berguna demi agama, bangsa dan negara.

Katanya, pada saat itu, hati anak yang berjaya ini melonjak membayangkan megahnya kampus ilmu yang bakal dihuni untuk empat tahun berikutnya, tidak kurang juga ada rakan bermuram durja, dirundung kesedihan kerana gagal mendapat tempat.

"Universiti pada masa terdahulu juga mencabar, tetapi cabaran universiti hari ini jauh lebih laju degupannya.

"Jika tiada persiapan dilakukan sudah pasti

universiti hari ini sangat sukar untuk kekal dihormati dan dirujuk, malah boleh jadi juga sudah tidak relevan. "Pada suatu masa dahulu, semuanya menjurus kepada sistem konvensional dan komunikasi satu hala.

"Pensyarah berdiri di depan menyampaikan syarahan, makluman notis hanya menerusi papan kenyataan, temu janji pensyarah perlu diatur dengan menulis nota pesanan, bahan rujukan semuanya perlu 'digempur' rak buku perpustakaan, hari ini semuanya nyata jauh berbeza," katanya.

Dr Afandi berkata, hari ini penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) semakin pelbagai, pembelajaran berasaskan masalah (PBL), pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek (PoPBL), pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), massive open online courses (MOOC) perlu dilalui penuntut di universiti.

Katanya, sistem penilaian terhadap aspek kognitif, afektif dan psikomotor turut

diadun bersama purata nilai gred kumulatif bersepadu (iCGPA) serta pelbagai lagi inovasi P&P demi manfaat siswa.

"Soalnya, bersedikah anak pelajar yang bakal memberi salam perkenalan kepada universiti ini untuk menghadapinya?"

Katanya, selain daripada cabaran akademik, cabaran jauh daripada pemantauan ibu bapa juga tidak boleh dipandang ringan, iaitu kebebasan, kepercayaan dan tanggungjawab.

"Benar, anak ini melalui pengajian STPM atau matrikulasi/asasi, tetapi memadaikah laluan pengajian akademik ini untuk mengukur tahap kematangan mereka?"

"Dengan dua bilion pengguna Facebook, 700 juta memiliki akaun Instagram, 889 juta pula aktif menerusi WeChat, cabaran untuk anak yang baru menginjak usia 19 tahun ini sangat rumit, sukar diramal dan penuh dengan ketidakpastian," katanya.

Jelasnya, mereka mesti bertanggungjawab terhadap diri sendiri walaupun

Selain akademik, cabaran jauh daripada pemantauan ibu bapa juga tidak boleh dipandang ringan


kelihatan seperti kunci kebebasan itu sudah diberi.

Dr Afandi yang juga pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menasihatkan penuntut baru bersikap matang dalam beberapa aspek vokasional yang dilahirkan dari universiti awam seperti Fakulti Teknikal dan Vokasional Universiti Pendidikan Sultan Idris juga dibekalkan kemahiran yang sesuai untuk mendidik pelajar kolej vokasional bagi menjadikan mereka graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi," katanya.

Sementara itu, Pengarah KV Ekonomi Rumah Tangga Setapak (KVERTS) Fuzyah Abdullah berkata pandangan masyarakat khususnya ibu bapa berkenaan bidang vokasional yang menganggapnya Pendidikan Vokasional sebagai kelas kedua mesti diubah.

Jelas beliau, walaupun kebanyakan pelajarnya KV hanya memiliki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), mereka berdaya saing di





pasaran kerja terbuka.

Katanya, graduan KVERTS sudah membuktikan keupayaan apabila 66 peratus graduannya memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian.

"Ini pencapaian yang membanggakan kerana sasaran Kementerian menetapkan 70 peratus mendapat kerja selepas tamat belajar.

"Dengan komitmen tenaga pengajar yang terlatih dan kerjasama dengan industri, sasaran itu akan dicapai," katanya.

Katanya, pelajar vokasional mampu mengakomodasi ilmu dan kemahiran dipelajari dengan dunia keusahawanan kerana mereka dididik dan dilatih secara intensif dengan kemahiran 'hands-on'.

"Mereka diterapkan dengan kemahiran kreatif dan inovatif menerusi setiap kursus dipelajari dan juga didedahkan dengan kursus keusahawanan sama ada menerusi kurikulum ataupun kokurikulum.

"Pakej lengkap ini sangat bertepatan dengan objektif KV untuk untuk melahirkan 10 peratus usahawan, 20 peratus melanjutkan pelajaran dan 70 peratus memasuki pasaran pekerjaan berkaitan pengetahuan dan kemahiran teknikal tahap sederhana dan tinggi," katanya.

Baru-baru ini, KVERTS turut memenangi pertandingan International Beauty Ekpo (IBE) yang berlangsung di Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dan Penang International Halal Chefs Challenge 2017.

#### 1. Kematangan dalam memilih kawan

Apabila berhijrah ke tempat baharu, antara perkara paling utama ialah berkaitan kebijaksanaan dan kematangan dalam memilih kawan. Kawan bukan semuanya benar-benar kawan, ramai juga yang makan kawan. Memilih kawan bukan bermaksud kita perlu menjadi kera sumbang, tetapi yang lebih utama ialah perlu sentiasa berhati-hati memilih rakan. Rakan itu umpama sebuah cermin yang berperanan memberi teguran demi kebaikan.

#### 2. Kematangan dalam memilih aktiviti

Kini kebebasan beraktiviti terbuka luas tanpa paksaan dan tanpa cengkaman. Yang matang, akan memilih aktiviti yang boleh menambah nilai diri

dan terus tenang.

#### 3. Kematangan dalam mengurus masa

Di universiti, masa itu bukan saja umpama emas, awas jangan sampai kita semuanya lemas. Jadual kuliah tidaklah sepadat semasa di sekolah atau matrikulasi/asasi.

Masa senggang mesti diisi dengan diskusi ilmu dan tindakan menyelesaikan tugas kuliah, menyediakan bahan pembentangan, projek berkumpulan dan melakukan persediaan peperiksaan.

Masa ini juga mesti dilaburkan dengan menghadiri pelbagai kegiatan yang dapat menggilap nilai kemahiran insaniah pelajar, seperti kemahiran berkomunikasi, membuat keputusan, kepemimpinan dan banyak lagi. Kegagalan pengurusan masa adalah sangat berkait rapat dengan pengurusan diri dan pihak yang berada di sekeliling kita.

#### 4. Kematangan dalam membuat keputusan

Kehidupan juga adalah mengenai keupayaan membuat keputusan. Bangkit daripada tidur, setiap saat adalah soal membuat keputusan.

Sebagai seorang yang semakin matang, penuntut mesti mempunyai nilai diri yang kuat untuk membezakan perkara membawa manfaat atau sebaliknya.

Jauh berbeza di sekolah dan matrikulasi/asasi, keputusan yang dibuat banyak dibantu oleh pihak lain khususnya ibu bapa dan guru.

Kini, hampir kebanyakan perkara perlu ditentukan dan diambil keputusan sendiri. Ingatlah setiap keputusan itu hadir bersama risiko.

Dampinglah pensyarah dan kakitangan universiti agar mereka boleh menjadi umpama ibu serta ayah kedua, memberi nasihat, azimat, teguran dan pedoman.

#### 5. Kematangan dalam mengisi nilai diri

Biarpun jauh daripada pandangan ibu bapa, solat lima waktu berjemaah adalah azimatnya. Al-Quran mesti segar bermain di tepi bibir.

Percampuran tanpa batasan lelaki dan wanita mesti diberi perhatian. Dengan teknologi menjadi nadi, akhlak adalah bunga diri. Aspek kerohanian mesti diberikan perhatian, biar berguru dan berpedoman supaya boleh menjadi batu sempadan.



Jika tiada persiapan dilakukan sudah pasti universiti hari ini sangat sukar untuk kekal dihormati dan dirujuk, malah boleh jadi juga sudah tidak relevan

**DR AFANDI**